



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Perlis hari ini yang telah dipengerusikan secara bersama oleh YAB Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis dan YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Sesi libat urus ini bertujuan untuk membentangkan hala tuju pembangunan negara, di samping mendapatkan pandangan dan cadangan mengenai hala tuju pembangunan Negeri Perlis yang akan diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan RMKe-12.

Dokumen RMKe-12 pasca tahun 2020 ini akan mengambil pendekatan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Kemakmuran Bersama bermaksud meningkatkan kuasa beli rakyat dan menghapuskan jurang pendapatan dan kekayaan antara kelas, kaum, wilayah dan rantauan bekalan yang melampau (*extreme disparity in supply chain*). Matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030.

Di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11, Perlis merupakan antara negeri yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan pengagihan peruntukan yang lebih baik. Di bawah *Rolling Plan 4* (2019) RMKe-11, Perlis telah diperuntukkan sejumlah RM319 juta daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Peruntukan ini bagi membolehkan pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik untuk memastikan pertumbuhan saksama demi meningkatkan kesejahteraan rakyat Perlis.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, YB Tuan Azman Mohd Yusof, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Encik Ahmad Zamri Khairuddin, Pengarah Bahagian Pembangunan Wilayah, MEA serta ketua-ketua agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Perlis.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

6 Ogos 2019